

Headline **Nasib gelandangan dapat perhatian kerajaan, NGO**
Date **01 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **L-32**
Article Size **642 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **18,183**
PRValue **54,548**



Nasib gelandangan dapat perhatian kerajaan, NGO

Usaha Jabatan Tenaga Kerja bantu, tawar golongan kutu rayau pekerjaan kurang sambutan

Syed Mohd Ridzuwan Syed Ismail
dan Sarah Sulaiman

KUALA LUMPUR: Kawasan tertentu sekitar ibu negara menjadi tempat berkeliaran sekitar 1,000 kutu rayau dan kawasan yang menjadi tumpuan mereka ialah Hentian Puduraya, Kompleks Dayabumi dan kawasan lapang serta perhentian bas di Jalan Tun Tan Cheng Lock di sini.

'Katil' mereka di kaki lima bangunan, tempat letak kenderaan, bawah jambatan, jejambat atau kawasan lapang manakala beg galas, kertas surat khabar lama atau kotak kertas dijadikan bantal dan ada kalanya memadai berbantalkan lengan sendiri saja, sebagai tempat tidur berbumbungkan langit.

Golongan yang juga dikenali sebagai gelandangan terbabit, bukannya tidak pernah ditawarkan pekerjaan di sektor perladangan, pengeluaran dan restoran tetapi masalah yang bagaikan tiada noktah itu adalah kerana sikap kutu rayau itu sendiri.

Program Jabatan Tenaga Kerja dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk memberikan golongan itu kerja juga tidak mendapat sambutan seperti diharapkan apabila kebanyakan mereka kembali kepada keadaan asal selepas beberapa hari bekerja.

Golongan itu juga didapati tidak berminat untuk bekerja tetapi sekadar datang ketika waktu program untuk mendapat makanan percuma yang diberikan NGO.

Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja, Datuk Sheikh Yahya Sheikh Mohamed, berkata melalui program pendaftaran dan penempatan golongan gelandangan dan pencari kerja yang dijalankan bermula 22 Februari hingga 20 April lalu, ada 137 golongan gelandangan

mendaftar.

Daripada jumlah itu, 41 orang berjaya diberikan pekerjaan dan selebihnya masih menganggur.

"Daripada 41 orang yang berjaya mendapat kerja pula, 20 saja yang kekal dan jumlah selebihnya melarikan diri atas sebab tertentu, termasuk mendakwa tidak sesuai dengan pekerjaan ditawarkan.

"Melalui program untuk mendaftar kepada golongan gelandangan yang diadakan secara berjadual di sekitar Masjid Negara, Hentian Puduraya, Masjid India dan hentian bas Pasar Seni, saya berpendapat golongan ini tidak berminat untuk bekerja. Mereka lebih selesa dengan kehidupan sebegitu kerana tidak perlu memikirkan soal mencari makanan kerana ia diberikan NGO," katanya.

Sheikh Yahya tidak menafikan ada segelintir golongan gelandangan bekerja dengan serius selepas mendapat pekerjaan hinggakan majikan memberikan tempat tinggal.

"Ada juga kes majikan terpaksa memilih dengan teliti golongan ini kerana ada yang mempunyai rekod jenayah yang berulang dan penagih dadah. Majikan juga perlu berhati-hati dalam memilih pekerja kerana sebelum ini beberapa kes penipuan berlaku apabila mereka yang diberi kerja hanya mengambil kesempatan untuk mencuri barangan pekerja lain," katanya.

Beliau berkata, bagi mereka yang ingin mencari pekerjaan, kaunter Jabatan Tenaga Kerja dibuka setiap malam Selasa dan Khamis di Masjid India dan kawasan berhampiran Hentian Puduraya.

Sementara itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga

dan Masyarakat (KPWKM) menubuhkan Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan dalam usaha membanteras masalah individu berpeleseran di negara ini melalui pendekatan yang terbaik.

Jawatankuasa itu diwujudkan Mac lalu dan dipengerusikan ketua setiausaha kementerian terbabit. Gelandangan dibahagikan kepada enam kategori, merujuk kepada golongan miskin tanpa rumah atau kerja, ada kerja tidak tetap dan tidak mampu memiliki rumah, pengemis atau individu berpeleseran, pesakit mental, penagih dan penghidap HIV.

Pengarah Bahagian Warga Tua dan Keluarga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Mohd Fazari Mohd Salleh, menyifatkan masalah kutu rayau itu sebagai baru di negara ini dan kementerian menerusi JKJ serta jawatankuasa khas terbabit sedang mengumpul data berhubung golongan sasaran.

Katanya, melalui maklumat NGO yang membantu golongan berkenaan termasuk yang memberikan makanan secara percuma, ada kira-kira 1,000 gelandangan di sekitar ibu negara tetapi data terperinci mengenai golongan itu sedang dikumpulkan.

"Pelbagai pihak kini sedang berusaha mengumpul maklumat berkaitan perkara ini, termasuk agensi yang terbabit adalah JKJ, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Belia dan Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), enam NGO dan sebuah syarikat pembekal makanan segera," katanya.

Headline **Nasib gelandangan dapat perhatian kerajaan, NGO**
Date **01 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **L-32**
Article Size **642 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **18,183**
PRValue **54,548**



SAIFULLIZAN TAMADI / BERITA MINGGU

GOLONGAN gelandangan mencatkatkan pemandangan ibu kota dengan menjadikan kawasan lapang di depan Hentian Puduraya sebagai tempat tidur dan berehat.



KUTU rayau lena diulit mimpi biarpun hanya tidur di kawasan kaki lima bangunan di Jalan Tun Tan Cheng Lock dengan beralaskan surat khabar lama.

Headline **Nasib gelandangan dapat perhatian kerajaan, NGO**
Date **01 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **L-32**
Article Size **642 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **18,183**
PRValue **54,548**



SEBAHAGIAN golongan gelandangan duduk berbual dan melepak di kawasan lapang sekitar ibu kota.